



CHRIST CHURCH LIKAS

To Know Christ & to Make Him Known
Diocesan Bishop: The Rt. Rev. Datuk Meltzer Jiki Tais
Suffragan Bishop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin
Rector: Ven. (E) Moses Chin



Contact

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Office: 088-426312, 213220 | Mobile: 019-6611558
<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com


Epifani 3 - 25 Januari 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Anak-Mu dinyatakan dalam tanda dan mukjizat keajaiban kasih-Mu yang menyelamatkan; baharuilah umat-Mu dengan anugerah-Mu yang syurgawi, dan dalam segala kelemahan kami, kuatkanlah kami oleh kuasa-Mu yang besar, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Yohanes 8:1-11

Bacaan Responsif - Mazmur 27:1-11



**SIAPA YANG TIDAK BERDOSA
IA YANG PERTAMA
MELEMPARKAN BATU
SIAPA YANG ANDA PERLU MAAFKAN?**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. SEBUAH PERMULAAN YANG BARU ... AHAD HADAPAN, 1 FEB

- 9:30 pagi - Mesyuarat doa (Cina), Pavilion
- 11:30 pagi - Mesyuarat doa (Inggeris), Dewan Alpha
- 7:30 malam - 'Malam Pujian & Penyembahan', gereja

Tanda kehidupan adalah pertumbuhan. Sebagai sebuah keluarga besar gereja, kita terus bertumbuh. Dan kita perlu bertumbuh bersama-sama; antaranya dengan mendengar satu sama lain dan saling mendoakan.

Pelbagai kumpulan pelayanan akan membentangkan keperluan doa mereka untuk bulan ini, manakala yang lain akan menyokong dan mendoakan. Waktu doa ini akan selesai dalam masa satu jam.

2. YANG BAHARU TELAH DATANG

Selamat Tahun Baru yang diberkati. Kita memulakan siri khutbah baharu bertemakan 'Yang Baharu Telah Datang' berdasarkan Injil Yohanes:

- 11 Jan: 'Wain Baharu' - perkahwinan di Kana; Yohanes 2
- 18 Jan: 'Penyembahan Baharu' - wanita di perigi; Yohanes 4
- **25 Jan: 'Pengampunan Baharu' - wanita berzina di bait Allah; Yohanes 8**
- 1 Feb: 'Penglihatan Baharu' - lelaki buta di kolam; Yohanes 9
- 8 Feb: 'Penghiburan Baharu' - gembala di padang rumput; Yohanes 10
- 15 Feb: 'Kehidupan Baharu' - lelaki mati di kubur; Yohanes 11
- 5 minggu Pra-Paskah: 'Realiti Baharu' - ajaran di Bilik Atas; Yohanes 13-17
- Minggu Kudus & Paskah: 'Kehidupan Baharu' - peristiwa di taman; bahagian seterusnya dalam Injil Yohanes.

Berdoalah agar kita dapat mendengar Tuhan berbicara.

3. PENJAGAAN HARIAN DI ARK

Kemudahan di Anglican Retirement Kampung (ARK) telah diperluaskan untuk menyediakan perkhidmatan 'penjagaan harian' bagi mereka yang memerlukan. Warga emas boleh datang pada waktu pagi untuk bersosial, menjamu selera, dan bersekutu; serta pulang ke rumah masing-masing pada waktu petang. Butiran lanjut akan menyusul.

KEKOSONGAN JAWATAN – kami memerlukan dua kakitangan untuk membantu dalam tugas baharu ini. Jika anda berminat, sila hubungi Warden, Rev. Clarence Chin (hp: 014-383 5622). Keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam penjagaan atau kejururawatan warga emas, serta berkebolehan untuk berkomunikasi dengan selesa bersama mereka.

4. PENTAHBISAN

Upacara Pentahbisan akan berlangsung ESOK, 26Jan, di Gereja St. Patrick, Tawau, jam 7:30 malam. Dengan izin Tuhan, Pastor kita, Andriano Bronio, akan ditahbiskan sebagai diakon. Sekumpulan daripada kita (CCL) akan berada di sana untuk menyaksikan peristiwa tersebut dan menyokong beliau dalam doa. Senarai penuh 11 calon ada dipaparkan di papan kenyataan.



Acara ini akan diikuti dengan Retret dan Persidangan Tahunan Paderi & Pastor, dari hari Selasa hingga Khamis. Paderi dan pastor kita akan menghadirinya. Mohon doakan semua yang terlibat.

5. PERTEMUAN PEMURIDAN DITERUSKAN

Aktiviti-aktiviti gereja kita sedang disambung semula secara berperingkat. Kesemuanya bertujuan untuk membantu satu sama lain menjadi pengikut Yesus yang lebih baik:

- 6 Feb, Jum, 7:30 pm - 'SOMA' Muda-mudi BM
- 7 Feb, Sab
 - 6:00 petang - 'BREAKTHRU' Muda-mudi Bahasa Cina
 - 7:00 malam - 'FAITH' Muda-mudi Bahasa Inggeris
- 8 Feb, Ahad, 2:30 petang—Sel Kanak-kanak Bahasa Cina

Sementara itu,

- 6 Feb, 7:30 malam - Pemimpin Awam [EN] bertemu Rektor.
- 8 Feb, 1:00 petang - Pemimpin Awam [BM] bertemu Rektor.

6. 'PROJEK LABUR'

Masih menunggu arahan daripada pihak berkuasa: BOMBA dan DBKK. Mohon doakan agar proses pensijilan menduduki bangunan (OC) berjalan lancar. Tabung bangunan kini berjumlah RM1.18 juta. Kita memerlukan RM1.20 juta. Terima kasih.

7. PELAYANAN LAIN

- 5 Feb, Khamis, 10:30 pagi - Pelayanan CCL di ARK. Sambutan tahun baru bersama warga emas kita. Sila maklumkan kepada kakitangan gereja jika anda ingin menyertai pertemuan ini.
- 7 Feb, Sabtu - Evergreens; Dewan Omega, 9:30 pagi.
- 8 Feb - Pembaptisan di semua Kebaktian kita. Sila mendaftar.
- 9 Feb - Pertemuan Doa Diosis melalui Zoom, penstriman langsung dari CCL.
- Bunga-bunga untuk hari ini disumbangkan oleh Caroline Lee.

PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'AGAR SAYA MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

| | | | | | | |
|---------------------------------------|----------------|--------|-------|----------------|-------|-------|
| Plan Bacaan Alkitab Mingguan | Isnin, Jan 26 | Yoh 20 | Mz 22 | Jumaat, Jan 30 | Kis 3 | Mz 26 |
| | Selasa, Jan 27 | Yoh 21 | Mz 23 | Sabtu, Jan 31 | Kis 4 | Mz 27 |
| | Rabu, Jan 28 | Kis 1 | Mz 24 | Ahad, Feb 1 | Kis 5 | Mz 28 |
| | Khamis, Jan 29 | Kis 2 | Mz 25 | | | |

Beberapa peluang untuk melayani:

- Pelayanan Media – menjadi pengendali unjuran (projektor), jurugambar, jurukamera, atau membantu penstriman langsung Kebaktian.
- Pelayanan PA (Sistem Bunyi) – menguruskan mikrofon, pengadun suara (mixer), dan pembesar suara.
- Pelayanan Komunikasi – menguruskan laman Facebook dan laman web gereja, menghasilkan risalah elektronik (e-flyer), video pendek (reels), dan kain rentang.
- Pelayanan Sukan – mempromosikan sukan untuk kesihatan dan persahabatan, serta menganjurkan pertandingan persahabatan.
- Pelayanan Landskap – memastikan keindahan dan kebersihan kawasan persekitaran gereja.
- Pelayanan Kasih (Caring) – menjaga mereka yang memerlukan, memasak, melawat, menyokong, dan mendoakan.
- Serta apa-apa tugas lain yang Tuhan letakkan di dalam hati anda. Berdoalah mengenainya. Berbincanglah dengan paderi, pastor, dan pemimpin gereja kita. Bersama-sama kita saling menggalakkan satu sama lain untuk mentaati bimbingan-Nya.

BAHAN DOA

Diosis yang kita kasihi

- Berdoa untuk Pentahbisan 11 orang hamba Tuhan yang akan menjadi daikon dan paderi; serta untuk Retret dan Konferensi Paderi & Pastor.

Gereja Kita yang Terkasihi

- Berdoalah untuk pelayanan muda-mudi kita: Muda-mudi Breakthrough (Cina), Muda-mudi Faith (Inggeris), dan Muda-mudi Soma (BM); agar kehidupan golongan muda dibentuk oleh firman Tuhan. Doakan agar para ibu bapa dan pemimpin muda-mudi diberikan kesabaran dan kreativiti dalam mengajarkan iman.

Diri kita sendiri

- Berdoalah agar kita mempunyai hati seperti Yesus untuk mengampuni mereka yang telah tersilap langkah dalam hidup; dan berusaha untuk berjalan bersama mereka dalam perjalanan hidup ini.
- Berdoalah untuk mereka yang sakit tubuh badan, minda, dan roh; serta untuk 5 rakan khas kita. Sebutkan nama mereka dalam doa kita. Berdoa secara khusus untuk Rev. George Chong, Ps. Sylvia Jeanes, dan Sister Margaret Yong.